

Seminar P. RAMLEE, IKON KEBANGSAAN & ANTARABANGSA

19hb-21 Sept. 2025, di USM P.Pinang.

Tajuk: RENUNGAN TERHADAP KEISTIMEWAAN FILEM 'HANG TUAH'.

Pembentang: Wan Hashim Wan Teh Uni.Pertahanan Nasional Malaysia, UPM.

PENDAHULUAN

Filem Hang Tuah diterbitkan pada 1956 ketika saya baru saja menjejak langkah memasuki Sekolah Rendah Inggeris Gerik pada tahun yang sama. Tentunya saya telah berkali kali menontonnya sama ada di pawagam dengan adanya tayangan matinee waktu pagi minggu di bandar bandar besar serta disiarkan berkali kali pula di kaca tv siaran RTM dan Astro.

Sebagai Pembuka bicara, izinkan saya membuat ringkasan dalam bentuk tajuk tajuk kecil Apakah Dampak Secara Pribadi, iaitu sesuatu yang meninggalkan kesan mendalam, sesudah menonton dua, tiga kali atau lebih filem Hang Tuah yang boleh dianggap sebagai salah sebuah Filem Klasik Melayu pada 1950an dan 60an.

Pertama; ia sebuah filem Melayu warna warni.

Kedua; ia sebuah filem purba berbentuk kepahlawanan.

Ketiga; ia mempunyai kisah cinta remaja yang romantik.

Keempat; penampilan para pelakunnya yang kemudiannya muncul sebagai pelakon berwibawa lagi popular.

Kelima; Ciptaan serta penataan musik latarnya yang berkesan.

Kemudiannya, akan cuba dimuatkan juga ulasan dalam akhbar serta sambutan khalayak penonton dalam dan luar negara terhadap filem ini.

KESAN JANGKA PANJANG

Dari segi Cerita dan Skrip atau kata bual, filem Hang Tuah membabitkan dua tokoh penulis hebat seperti Mubbin Sheppard (Tan Sri) dan Haji Buyunng Adil. Mubbin Sheppard penulis asal ceritanya seorang penasihat sebuah Negeri Melayu bagi Negeri Sembilan yang kemudiannya menyandang jawatan Ketua Pengarah Muzium

Negara yang pertama. Haji Buyung Adil pula terkenal sebagai seorang penyelidik dan penulis sejarah Negeri Negeri Melayu yang berganding bahu dengan Penolong Pengarah Jamil Sulong untuk menulis skrip dan kata bualnya. Dalam filem Melayu, amat jarang terlibatnya tokoh tokoh ternama dalam penerbitan sesebuah filem seperti mereka ini, kecuali pembabitan Tunku Abdul Rahman sebagai penulis cerita untuk filem Raja Bersiong, filem ketiga dari Studio Jalan Ampas yang diterbitkan dalam bentuk warna warni.

Filem ini diarahkan oleh Phani Majumdar yang dikatakan maseh belum fasih berbahasa Melayu. Tetapi hasil arahnya itu layak diberi pujian dan boleh dianggap sebagai salah satu filem Melayu terbaik pada dekad 1950an.

i Filem Melayu Warna Warni.

Ada yang menganggap Hang Tuah merupakan filem Melayu pertama dalam bentuk warna warni. Sebenarnya, filem Melayu warna warni yang pertama ialah Ribut dan bukannya filem Hang Tuah manakala filem ketiga ialah Raja Bersiong Pada waktu itu, menerbitkan filem Melayu dalam warna warni tidak menguntungkan pihak penerbitnya Shaw Bros kerana jumlah penontonnya yang maseh relatifnya kecil berbanding dengan filem filem Hollywood, Bollywood dan filem filem Cina terbitan Hong Kong dan Taiwan. Ini merupakan risiko yang sedia ditanggung oleh penerbitnya. Mungkin kerana watak Hang Tuah adalah ikon bagi orang orang Melayu, Shaw Bros bersedia menanggung kerugian untuk menunjukkan hormat dan sanjungan mereka terhadap tokoh Melayu istimewa itu.

ii Filem Purba Berbentuk Kepahlawanan.

Hang Tuah adalah filem ke 26 terbitan Shaw Bros. Sebelumnya, sebahagian besar adalah filem berbentuk drama masyarakat dan keluarga berbaur percintaan muda mudi remaja seperti Cinta, Nor Asmara, Nasib, Racun Dunia, Bakti, Ibu, Sejoli, dll serta filem pengembaraan dan purba seperti Nilan, Aloha, Takdir Illahi, Kipas Hikmat, Panggilan Pulau, Abu Hassan Pencuri, dll). Hang Tuah adalah filem Melayu pertama dalam bentuk purba dan kepahlawanan. Tokoh yang diangkat melambangkan kepahlawanan Melayu yang menjadi kebanggaan mereka sepanjang zaman yang lahir daripada kerajaan Melayu Melaka yang amat masyur pada abad ke 15 hingga abad

ke 15. Busana para pelakun serta prop senibina Istana Sultan Melaka di buat dengan begitu teliti lagi bijaksana, menampilkan kehebatan Kerajaan Melayu pada zaman itu. Sebagai cerita kepahlawanan, ia turut di isi dengan seni silat pada beberapa adegan yang bertujuan menonjolkan kepahlawanan Hang Tuah lima bersaudara. Teristimewa tiga adegan pertarungan iaitu penentangan terhadap orang-orang mengamuk di hadapan Dato Bendahara Melaka, pertikaman yang bersejarah antara Hang Tuah dengan Taming Sari pahlawan kerajaan Majapahit, dan satu lagi pertarungan bersejarah tetapi amat menyayatkan hati ialah di antara dua sahabat yang berakhir dengan kematian terhadap Hang Jebat. Jurulatih kepada para wira-wira pesilat seperti Hang Tuah, Hang Jebat, dan Taming Sari adalah Malik Sutan Muda.

iii. Kisah Cinta Remaja Romantik

Sudah menjadi satu trend atau unsur penting dalam filem-filem Melayu pada zaman itu bahawa hampir semua filemnya akan mempunyai kisah percintaan muda-mudi remaja. Ini adalah pengaruh besar dari tradisi filem-filem Hindustan keluaran Bollywood di mana para pengarah dari India akan membawa kerangka dan unsur-unsur budaya filem India untuk digunakan pada filem-filem Melayu. Ia bersebab kerana para penonton yang terdiri daripada golongan remaja menggemari filem-filem cinta remaja yang romantik. Kebiasaannya, filem-filem percintaan akan laris di pasaran.

Dalam filem Hang Tuah, kita di dedahkan kepada dua episod percintaan muda-remaja. Pertama percintaan Hang Tuah dengan Melor, asalnya anak Melayu tetapi di pelihara oleh keluarga Orang Asli berdekatan dengan gua tempat Adi Putera bertapa. Ketika Hang Tuah mendaki Gunung Ledang untuk berguru silat dengan Adi Putera, Hang Tuah bertemu Melor dan neraka gaduh cinta.

Kemudiannya, ketika Hang Tuah belayar ke Pahang untuk memikat dan membawa pulang Tun Teja ke Melaka untuk diserahkan kepada baginda Sultan, Melor telah berkunjung ke Istana Melaka untuk mencari serta bertemu dengan Hang Tuah. Tetapi Melor telah diserahkan kepada Baginda Sultan oleh para pembesar istana yang dengki terhadap Hang Tuah untuk Melor dijadikan gundik Sultan. Pertemuan sulit diantara Hang Tuah dengan Melor mengakibatkan Hang Tuah menerima hukuman bunuh kerana 'menderhaka' kepada Sultan. Peraturan dalam istana Melaka ialah

seseorang itu amat dilarang mempunyai hubungan sulit dengan gundik raja dan hukumannya adalah bunuh. .

Apa pun, Melor terbunuh ketika mencuba membunuh Pateh Kerma Wijaya yang telah menimbulkan unsur fitnah sehingga Hang Tuah di hukum bunuh.

Adegan percintaan kedua adalah diantara Tun Teja dengan Hang Tuah ketika Hang Tuah berada di Pahang. Ia adalah 'percintaan sementara' dan 'percintaan terlarang' kerana Tun Teja sendiri tidak terlebih dahulu mengetahui bahawa Hang Tuah datang ke Pahang dengan memikat Tun Teja bukan untuk dirinya tetapi untuk berbakti dengan diserahkan kepada Baginda Sultan.

Kedua dua Kisah percintaan ini membuatkan ingatan kita sentiasa mekar sebagai belia remaja yang dahagakan kisah kisah percintaan seperti ini. Aparah lagi, ia dua kali diserikan dengan sebuah lagu romantik ciptaan P.Ramlee Berkirban Apa Saja. Lebih lebih lagi, ia dilakukan oleh dua seniwati di Studio Jalan Ampas yang kemudiannya muncul sebagai primadona hebat filem filem Melayu era Jalan Ampas iaitu Saadiah dan Zaiton..

iv. Para Pelakunnya

Filem Hang Tuah secara umumnya menampilkan para pelakun lelaki handalan seperti P.Ramlee sebagai Hang Tuah, Ahmad Mahmud sebagai Hang Jebat, Haji Mahadi sebagai Sultan Melaka, Daeng Idris sebagai Bendahara, S Kadarisman sebagai Pateh Kerma Wijaya dan Malik Sutan Muda sebagai pahlawan Taming Sari. Mereka ini tokoh tokoh utama dalam kisah atau riwayat hidup Hang Tuah. Lakunan mereka juga amat meyakinkan dan berkesan sekali. Mungkin pilihan Aziz Sattar dan S.Shamsuddin, masing masing sebagai Hang Lekir dan Hang Lekiu ternampak sedikit janggal kerana imej mereka adalah sebagai pelawak.

Bagi pelakun wanita pula, kedua dua pelakun yang maseh muda seperti Zaiton sebagai Tun Teja serta Saadiah sebagai Melor tetap meninggalkan kesan walaupun mereka boleh dianggap sebagai muka muka baru di studio Malay Film Productions pada ketika itu. Begitu juga lakunan Saamah sebagai Dang Ratnasari dayang kepada Tun Teja serta Mariani sebagai salah seorang dayang di istana Sultan Melaka tetap

meninggalkan kesan. Gandingan kesemua mereka ini telah mampu menjadikan filem Hang Tuah sebagai sebuah filem epik Melayu yang cemerlang.

v. Penataan Musik, Lagu dan Seni Hias

Selain filemnya secara keseluruhan dan lakunan para pendukung wataknya yang boleh dianggap cemerlang, penataan musik latar yang menggunakan gendang, gong dan serunai menampilkan sesuatu yang unik lagi luar biasa untuk sebuah filem Melayu. Musik untuk filem Hang Tuah yang dicipta dan disusun oleh P.Ramlee mempunyai identitinya tersendiri yang unik serta mampu meninggalkan kesan yang mendalam kepada para penonton. Amat tepat sekali di Festival Filem SeAsia pada Jun 1956, para juri telah memilih filem Hang Tuah sebagai pemenang penataan musik terbaik dengan meraih Anugerah Golden Harvest. Barangkali, ini kali pertama filem dari Studio Malay Film Productions memenangi anugerah sedemikian.

Saperti hampir semua filem filem Melayu keluaran Shaw Bros, filem Hang Tuah juga di hiasi dengan dua lagu yang menjadi popular kemudiannya, iaitu 'Berkoban Apa Saja' nyanyian P.Ramlee dan Lena secara berasingan dan lagu 'Joget Pahang' nyanyian P.Ramlee. Tidak ketinggalan, seni hias juga ternampak menonjol terutamanya seni bina istana kesultanan Melaka.

Tayangan di Luar Negara

Selain daripada menyertai festival filem di Hong Kong, terdapat maklumat yang menyebut bahawa filem Hang Tuah ditayangkan di festival filem Eropah di Berlin Jerman. Tentunya filem ini ditayangkan juga di Indonesia kerana penduduk

disana adalah sebangsa serumpun. Namun, kita tidak begitu pasti sambutan penonton di pulau Jawa kerana watak Pateh Kerma Wijaya keturunan Jawa di Istana Melaka adalah kaki fitnah serta penghasut manakala pahlawan Taming Sari tokoh kebanggaan kerajaan Majapahit tewas dalam pertarungan dengan Hang Tuah. Juga, filem ini dilaporkan di tayang di Bangkok dengan diberi tajuk 'Wirak Boros Malaka' atau Pahlawan Melaka. Beberapa tahun kemudian, majalah Gelanggang Filem terbitan 10 Jun 1960 melaporkan filem Hang Tuah telah dialih ke bahasa Arab serta ditayangkan di negara-negara Timur Tengah.

PENUTUP

Dalam keadaan di mana penerbitan filem filem Melayu pada pertengahan 1950an masih sedang bertateh, filem klasik tentang keperwiraan Laksamana Hang Tuah pada zaman Kesultanan Melaka dengan tatawarna Eastman telah meletakkan satu satunya filem Melayu pada persada yang relatifnya tinggi dan diterima baik di dunia antarabangsa. Watak adiwiranya P.Ramlee sebagai Hang Tuah kemudiannya muncul sebagai seorang Seniman Agung yang versatile atau serba boleh lagi genius manakala para pelakun gandingan dalam filem itu juga muncul sebagai primadona filem Melayu Studio Jalan Ampas serta sebagai para pelakun lelaki yang popular lagi dihormati.

Filem Hang Tuah itu sendiri berserta dengan manusianya sebagai seorang tokoh sejarah adalah sebuah legasi yang akan hidup dan mekar sepanjang zaman.